



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **MEDAC BERADA DI HADAPAN DALAM MENGURUSKAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RM619JUTA BANTU USAHAWAN**

---

PUTRAJAYA, 21 Ogos 2020 – Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang saya pengerusikan adalah bertujuan untuk memantau dan memastikan pelaksanaan program-program pembangunan Kementerian yang dibiayai di bawah Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan berjalan lancar dan efisien. Langkah ini juga adalah bagi memastikan agenda pembangunan negara terutamanya yang terkandung dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Menerusi Peruntukan Pembangunan Tahun 2020, Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM619.7 juta kepada MEDAC. Jumlah ini juga adalah termasuk peruntukan di bawah Dana PRIHATIN dan PENJANA. Sehingga 16 Ogos 2020, MEDAC telah menyalurkan sebanyak RM530juta atau 85% daripada peruntukan tersebut kepada agensi-agensi di bawah kawal selia MEDAC bagi pembiayaan program-program pembangunan keusahawanan. Ini telah menjadikan MEDAC antara Kementerian yang berada di hadapan dalam menguruskan prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan terutama bagi membantu para usahawan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Di dalam mesyuarat tersebut juga, saya telah menyatakan bahawa pelaksanaan program pembangunan MEDAC perlu mengambil kira dasar-dasar berkaitan dengan keusahawanan seperti Dasar Keusahawanan Nasional 2030, Kertas/Pelan Strategik Keusahawanan, *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030 dan maklumbalas usahawan-usahawan. MEDAC juga telah mengenalpasti beberapa halangan birokrasi

dan *red tapes* yang menjadi batu penghalang kepada pembangunan usahawan negara terutamanya dalam konteks pembiayaan kepada usahawan. Kementerian ini akan terus memastikan karenah birokrasi ini akan dapat dikurangkan dan perkhidmatan penyampaian agensi di bawah MEDAC dapat dipertingkatkan.

Selaras dengan perkembangan terkini Dasar Industri 4.0, MEDAC akan terus memastikan peruntukan dapat dipertingkatkan bagi membantu usahawan terutamanya usahawan mikro dan sektor informal dapat mengadaptasi automasi, mekanisasi dan digitalisasi dalam perniagaan. Visi MEDAC ini juga adalah sebagai salah satu usaha pihak Kerajaan dalam membantu usahawan menangani impak COVID-19 seterusnya dapat melonjakkan ekonomi negara.

MEDAC komited dalam pelaksanaan projek pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan bagi memastikan hasrat kerajaan dalam menjayakan Malaysia sebagai Negara Keusahawanan Unggul pada tahun 2030.

**DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**